

Aplikasi Ijtihad dan Penetapan Syariat Islam dalam Kanun Jenayah Syariah II(1993) 2015 Kelantan

Anuar Al Sadat Haji Noor
anuarsadat56@gmail.com
Universiti Malaysia Kelantan

Mohd Zain Mubarak
mzain@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

Nur Azuki Yusuff
nurazuki@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Syariat Islam bertujuan mengatur sistem dan menjaga kemaslahatan manusia dalam segenap aspek kehidupan. Pelaksanaannya sangat penting bukan sahaja dari sudut tuntutan agama malah demi kesejahteraan hidup dalam sesebuah masyarakat. Salah satu komponen syariat penting bagi mencapai hasrat tersebut adalah undang-undang jenayah melibatkan hudud, takzir dan qisas. Kerajaan Negeri Kelantan yang ditadbir oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah melaksana usaha sejak 1993 bagi merealisasikan pelaksanaan perundangan tersebut melalui Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 (KJS) yang telah melalui proses pindaan pada 2015. Walau bagaimanapun selain isu perlembagaan dan bidang kuasa, masih timbul persoalan terhadap aplikasi ijtihad kanun ini adakah menepati dalam konteks keperluan semasa mengikut ketetapan syariat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kepustakaan termasuk dokumen-dokumen penting berkaitan dan juga sesi temu bual mendalam bersama informan penting yang terlibat berkaitan KJS II. Hasil kajian mendapati KJS II mengandungi 71 seksyen dan empat jadual serta terdiri daripada enam bahagian termasuk Hudud, Qisas dan Takzir. Kanun ini juga memperuntukkan aspek pentadbiran melibatkan hal ehwal berkaitan mahkamah, pelantikan hakim, gaji dan keistimewaan hakim-hakim.

Kata Kunci: Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015; Hudud; Qisas; Takzir; Ijtihad

PENDAHULUAN

Islam adalah agama bagi Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 “*Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan*”. Justeru, kedudukan agama Islam adalah merupakan suatu yang teristimewa dalam senarai Perlembagaan Persekutuan. Manakala Islam adalah merupakan hal ehwal negeri dan berada di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Kewujudan Persekutuan adalah berasaskan kewujudan negeri-negeri, Persekutuan berdiri di atas tanah-tanah negeri, Islam juga merupakan agama bagi negeri-negeri. Justeru, Islam agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan adalah merupakan sesuatu yang bertepatan dengan latar sejarah negara. Manakala Sultan bagi negeri-negeri adalah ketua bagi agama

Islam, bagi Wilayah Persekutuan Yang Di Pertuan Agong adalah ketua agama bagi Wilayah Persekutuan, baginda juga adalah ketua agama di negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja dan Sultan sendiri (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Negeri Kelantan dengan jolokan Serambi Mekah mempunyai banyak pondok-pondok pengajian dan menjadi tumpuan para pelajar Islam untuk datang mendalami ilmu dengan guru-guru yang masyhur. Ini telah menjadikan Kelantan sebagai pusat pengajian Islam yang terkenal di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Undang-undang Islam juga telah dilaksanakan di negeri Kelantan berdasarkan kitab *Bughyat al-Mustarshidin* dan *Mu'in al-Hukkam*. Kedua-dua kitab ini merupakan himpunan ringkas dari berbagai fatwa para ulamak mazhab Imam Syafie. Pelaksanaan undang-undang Islam ini melalui mahkamah balai semenjak zaman Sultan Muhammad I (1830-1837). Namun, undang-undang Siam dan undang-undang Inggeris mula dikuatkuasakan oleh penjajah melalui perjanjian Inggeris-Siam tahun 1902 mengakibatkan undang-undang Islam terhakis (Mohd Fadli Ghani, 2011).

Rakyat Malaysia mendapat pendedahan berkaitan KJS II (1993) 2015 ini pada awal tahun 1990-an, apabila Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berjaya memerintah Negeri Kelantan. Kejayaan PAS memerintah Kelantan ini telah memberi peluang untuk PAS meluluskan KJS II (1993) 2015 di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini adalah merupakan cita-cita PAS dalam perjuangan politik atas nama politik Islam di bawah kepimpinan ulamak yang diterajui oleh YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, sebagai Menteri Besar Negeri Kelantan pada waktu itu. Malah, perjuangan untuk menegakkan undang-undang Islam ini adalah merupakan matlamat perjuangan PAS yang termaktub dalam perlembagaan PAS, sebagaimana diperuntukkan dalam fasal 7 (Pindaan 2011); Hukum dan Kekuasaan:

Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam Perlembagaan PAS ialah kitabullah, sunah Rasul serta ijmak ulamak dan Qias yang terang dan nyata.

Perlembagaan Persekutuan secara harfiahnya tidak menghalang pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Namun, Akta 355 telah menghadkan kadar hukuman yang boleh dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri. Walaupun Islam ialah Agama bagi Persekutuan tetapi tidak dinyatakan bahawa undang-undang Islam adalah merupakan Undang-undang bagi negara. Justeru, ketiadaan peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang Negara, hal ini telah banyak mengundang perdebatan tentang sifat negara, sama ada Malaysia ialah negara Islam atau negara sekular (Shamrahayu A. Aziz, 2018). Mengikut Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, jika diamati tentang sifat-sifat atau ciri-ciri sebuah negara Islam, ternyata Malaysia memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh para ilmuwan Islam untuk menjustifikasikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, walaupun hukum hudud masih tidak dapat dilaksanakan lagi.

Kerajaan Kelantan berusaha memartabatkan perundangan Islam di dalam bidang kuasa mereka dengan meluluskan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. KJS II (1993) 2015 ini merupakan suatu undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan malah turut diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Kanun ini terkenal dengan nama KJS II (1993) 2015 & Hudud. KJS II (1993) 2015 Kelantan ini diwujudkan berdasarkan fasal (3) Perkara 39 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama).¹ Kanun ini terpakai kepada setiap orang Islam yang *mukallaf* bagi kesalahan berkaitan tatalaku atau kelakuan yang dikategorikan sebagai jenayah dalam agama Islam yang dilakukan oleh umat Islam di Kelantan dan tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984. Kanun ini mengandungi kesalahan jenayah syariah *hudud*, *qisas* dan *takzir*, seperti berikut:

¹ Warta Kerajaan, Diterbitkan dengan Kuasa, Jilid 68, No. N18, 27 Ogos 2015, Tambahan No. 3

- i) Kesalahan *hudud* iaitu mencuri, merompak, zina termasuk liwat, menuduh zina, minum arak dan murtad. Hukuman bagi kesalahan ini telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.
- ii) Kesalahan *qisas*, iaitu kesalahan menyebabkan kematian atau kecederaan anggota badan seseorang yang mana hukumannya disebut sebagai hukuman qisas, telah ditetapkan oleh al-Quran atau al-Sunnah. Kesalahan *takzir* iaitu kesalahan selain daripada kesalahan *hudud* atau kesalahan *qisas*. Hukumannya ditetapkan oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan dan dijatuhkan mengikut budi bicara mahkamah.

Jika sekiranya tidak mencukupi syarat-syarat bagi dikenakan hukuman *hudud* atau *qisas* di atas mengikut ketetapan syarak, maka kesalahan itu dikategorikan sebagai kesalahan *takzir* dan boleh dikenakan hukuman dengan pertimbangan mahkamah bicara. KJS II (1993) 2015 ini mempunyai enam (6) bahagian iaitu;

1. Bahagian I (Kesalahan-Kesalahan Hudud) Seksyen 5-23
2. Bahagian II (Qisas) Seksyen 24-38
3. Bahagian III (Keterangan) Seksyen 39-47
4. Bahagian IV (Pelaksanaan Hukuman) Seksyen 48-55
5. Bahagian V (am) Seksyen 56-62 dan
6. Bahagian VII (Mahkamah) Seksyen 63-71.

KJS II (1993) 2015 telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1993 dan sekali lagi diluluskan pada tahun 2015 selepas dibuat beberapa pindaan dan dinamakan dengan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Semenjak kanun ini diluluskan, ia masih belum dapat dilaksanakan kerana terdapat beberapa halangan, di antaranya ialah halangan perundangan dan halangan kesediaan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. KJS II (1993) 2015 juga tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (bidangkuasa jenayah) 1965 pindaan 1984 yang memperuntukkan hukuman denda RM5000.00, penjara tiga tahun dan enam kali sebatan. Selain halangan sudut perundangan, KJS II (1993) 2015 juga turut menimbulkan persoalan tentang pertimbangan aplikasi ijtihad dan penetapan sumber syariat sebagai asas penggubalan untuk dilaksanakan dalam konteks semasa.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana aplikasi *ijtihad* dan penetapan syariah dalam penggubalan dan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan data kepustakaan seperti buku, dokumen dan data lapangan melalui proses temubual. Informan yang terlibat ialah Mufti Kerajaan Negeri Kelantan yang merupakan Ahli Jawatankuasa Penggubalan KJS II (1993) 2015 merangkap Pengerusi Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Informan kedua merupakan Peguamcara & Peguambela, Peguam Syariah, juga merupakan Ahli Jawatankuasa semakan Enakmen-enakmen Undang-undang Syariah Negeri Kelantan dan Ahli Jawatankuasa Penggubalan Enakmen Guaman Syar'ie Negeri Kelantan.

Al-Quran dan al-Sunnah Sebagai Rujukan Utama

KJS II (1993) 2015 yang juga dikenali sebagai hukum *hudud* telah digubal berteraskan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan beberapa kriteria ;-

1. Kanun ini meliputi hukum *hudud*, *qisas* dan *takzir* berdasarkan hukum syarak. Seksyen: 4 menjelaskan kesalahan di bawah enakmen ini terbahagi kepada tiga:

2. Kesalahan *Hudud*: Kesalahan-kesalahan yang mana hukumnya telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah dinamakan hukum hudud.
3. Kesalahan *Qisas*: Kesalahan yang juga ditetapkan oleh al-Quran al-Karim dan Sunnah, dinamakan hukum Qisas.
4. Kesalahan *Takzir*: Kesalahan yang mana hukumannya diserahkan kepada budi bicara badan perundangan dan budi bicara mahkamah. Syaratnya apabila sesuatu kesalahan *hudud* atau *qisas* tidak boleh dihukum dengan hukuman *hudud* atau hukuman *qisas*, disebabkan tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman *hudud* dan *qisas*. Maka hukuman yang dijatuhkan ini adalah dinamakan hukuman *takzir*.

Menurut Mufti Kerajaan Kelantan², KJS II (1993) 2015 adalah berdasarkan kitab-kitab *fiqh* oleh ulama *muktabar* yang memenuhi ciri-ciri *mujtahid*. Beliau juga menyatakan bahawa dalam pengubalan KJS II (1993) 2015 terdapat semacam ada percampuran antara hukum-hukum yang dalam kategori *hudud* dan kategori *takzir*. Pelaksanaan hukum hudud bukan sekadar hukum-hukum hudud itu sendiri malah ia akan melibatkan ‘وسائل الوسائل’ seperti isu pelantikan hakim-hakim, penubuhan mahkamah untuk mendengar kes-kes *hudud* dan bukan lagi mahkamah yang mendengar kes-kes *takzir*. Banyak terdapat wasilah *وسيلة* yang tidak dimasukkan dalam KJS II (1993) 2015 yang boleh membawa kepada tanggapan ia tidak sempurna dan lengkap. Walau bagaimanapun perkara ini tidak membawa kepada isu bertentangan dengan ciri sebagai undang-undang *hudud*. Kekurangan dalam konteks kanun ini boleh dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Kesimpulannya, KJS II (1993) 2015 ini telah pun disahkan oleh Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai hukum *hudud* yang digubal mengikut tatacara badan perundangan yang sah (Mohamad Shukri Mohamad, 2019).

1. Kanun ini secara jelas telah menjadikan hukum syarak sebagai pemakaian dalam tafsirannya. Seksyen 61 (Pemakaian Hukum Syarak) menjelaskan:
 - a. Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Kanun ini yang tidak konsisten dengan hukum syarak hendaklah terbatal setakat yang tidak konsisten
 - b. Jika terdapat *lacuna* atau apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Kanun ini, mahkamah hendaklah memakai hukum syarak

Kesalahan-kesalahan di bawah Kanun ini dan peruntukan-peruntukan mengenainya hendaklah ditafsirkan mengikut hukum syarak. Justeru, dapat difahami bahawa hukum syarak merupakan rujukan utama dan mana-mana yang bertentangan dengannya adalah terbatal. Begitu juga mana-mana yang terdapat *lacuna* atau kelompongan maka hukum syarak adalah rujukan muktamad³ (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 2015). Manakala dalam Seksyen 3 (Tafsiran);

1. Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti perkataan-perkataan atau perbahasaan yang digunakan dalam Kanun ini yang disenaraikan dalam Jadual I, rujukan bolehlah dibuat kepada skrip bahasa Arab perkataan-perkataan dan perbahasaan itu yang ditujukan bertentangan dengannya dalam jadual itu.
2. Semua perkataan, perbahasaan, tafsiran dan rangkai kata yang digunakan dalam kanun ini tetapi tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah ditafsirkan mempunyai makna yang diberikan terhadapnya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) jika tidak bertentangan dengan hukum syarak (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 2015).

² YB. SS Dato' Haji Muhamad Shukri bin Mohamad, Mufti Kerajaan Kelantan.

³ Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015, Seksyen 61 (1) dan (2) (Pemakaian Hukum Syarak)

Berdasarkan kehendak Seksyen 61 (2) (3) adalah jelas kandungan Kanun Jenayah Syariah ini adalah berdasarkan hukum syarak dan mana-mana yang tidak konsisten dengan hukum syarak hendaklah terbatal.

Aplikasi Ijtihad dalam Penghasilan KJS II (1993) 2015

Ijtihad dari segi bahasa ialah pengerahan segala upaya bagi mendapatkan sesuatu yang susah. Manakala dari segi istilah ialah bererti suatu penelitian dan pemikiran untuk mendapatkan sesuatu yang hampir dengan syariat berdasarkan al-Quran, al-sunnah serta prinsip dan kaedah dalam berhadapan dengan situasi baru untuk mencapai *maslahat* insan (Abd. Wafi Has 2013). *Ijtihad* juga bertujuan untuk mencari hukum syarak yang berbentuk praktikal dengan melakukan proses *istinbat* (Muhamad Ikhlas Rosele, Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Anuar Ramli & Muhamad Zaim Ismail 2016). Merujuk kepada beberapa maksud *ijtihad* di atas, boleh disimpulkan bahawa ia merupakan suatu proses untuk mencari penyelesaian dan merungkaikan sesuatu masalah yang berkaitan dengan kehidupan umat Islam. *Ijtihad* perlu kepada kajian yang teliti dan rujukan yang sah iaitu al-Quran dan hadis.

Dalam konteks menguatkuasakan undang-undang Islam di Kelantan adalah melalui pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Penggubalan dan kelulusan undang-undang ini diputuskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai undang-undang yang sah dari sudut Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan suatu proses *ijtihad* yang bertepatan dengan dunia kontemporari hari ini. Sebelum kanun ini diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan, KJS II (1993) 2015 ini telah melalui fasa-fasa tertentu, termasuklah pembentukan ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada ulama dan pakar profesional dalam bidang agama dan perundangan. Kemudiannya telah dibentangkan dan dibuat penelitian serta maklum balas oleh Jemaah Ulamak Negeri Kelantan yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Dalam hal ini, Jemaah Ulamak Negeri Kelantan memperakukan bahawa KJS II (1993) 2015 bersumberkan al-Quran, hadis dan kitab-kitab muktabar sebagai hukum hudud adalah merupakan suatu *ijtihad* secara kolektif oleh para ulamak yang berkelayakan.

Realiti menunjukkan bahawa kehidupan manusia sentiasa mengalami perubahan. Islam menetapkan syariat yang bersifat menyeluruh dan universal serta boleh diadaptasikan mengikut suasana dan zaman. Dalam memenuhi tuntutan ini, Muhammad Fathi Yusoff (2017) menjelaskan pindaan ke atas Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (*Pindaan*) 2016 atau RUU 355 menjadi satu sejarah kerana mendapat tumpuan luar biasa dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia. Usul pindaan yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen Marang, YB. Abdul Hadi Awang adalah satu agenda yang dinantikan banyak pihak baik sama ada dipersetujui atau pun tidak. Keberanian untuk membentangkan usul tersebut telah membuka ruang kepada masyarakat umum, ahli akademik dan para ulama untuk membahaskan dan membincangkan perkara tersebut. Hal ini membuktikan bahawa keberanian Kerajaan Kelantan meluluskan KJS II (1993) 2015 adalah suatu yang menepati hukum zaman, iaitu mengikut perubahan zaman dan tempat serta dinanti-nantikan oleh semua pihak.

Perubahan sesuatu undang-undang adalah amat diperlukan bagi kelangsungan dan relevan mengikut zaman dan suasana. Penggunaan *ijtihad* adalah amat dituntut dalam sejarah perundangan Islam, malah ketiadaan keberanian untuk menggunakan *ijtihad* dalam penyelesaian masalah hukum dalam kehidupan umat Islam akan menjadikan umat Islam terkebelakang. Ini bercanggah dengan sifat Islam yang begitu dinamik dan progresif. Justeru, jika Kanun Jenayah Syariah berjaya dilaksanakan, ia memberi suatu nafas baharu kepada perundangan Islam dan melepaskan belenggu kesempitan bahawa undang-undang Islam adalah beku dan jumud. Penggubalan Kanun ini juga telah menyegarkan dan menyuburkan benih *ijtihad* dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Keberanian untuk membuka pintu *ijtihad* ini membuktikan bahawa hukum Islam adalah selari dengan peredaran masa dan memasuki

dimensi baharu perundangan Islam. Hal ini sekaligus mengikis belenggu sistem penjajahan yang menyemai benih bahawa undang-undang Islam sudah ketinggalan dan tidak sesuai. Penerimaan pelbagai mazhab dalam proses penggubalan KJS II (1993) 2015 adalah merupakan suatu proses *ijtihad*, ini menunjukkan bahawa ia tidak terikat kepada mazhab Syafie sahaja malah turut menerima pandangan mazhab lain. Keterbukaan ini menunjukkan bahawa umat Islam di negara kita khususnya di Kelantan bersifat terbuka dalam menerima perbezaan pendapat dan menjadikan undang-undang Islam sesuai dalam semua keadaan.

Berkaitan hal ini seksyen 3. (1) Tafsiran, menjelaskan perkataan “hukum syarak” bererti mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Manakala perkataan “*Mukalaf*”, istilah yang biasa didengari perkataan mukallaf memberi faham akil dan baligh, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akal, ini adalah pendapat Imam Maliki. Menurut tafsiran ini di dalam perkara jenayah bersandarkan pendapat yang masyhur, iaitu Mazhab Maliki dan pendapat Imam Abu Hanifah, 18 tahun yang dimaksudkan itu ialah 18 tahun Hijrah bukannya 18 tahun Masihi. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Al-Israa'*, ayat 34 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya). Sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri)”.

Ini menunjukkan bahawa Kanun Jenayah Syariah ini menerima pendapat selain daripada mazhab Syafie yang merupakan pegangan ‘rasmi’ negara. Manakala dalam tafsiran Seksyen 3 (1) dijelaskan: “*Diyat*” ertinya suatu jumlah wang tertentu atau harta yang jumlah atau nilainya adalah bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4450 gram atau dengan kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa manakala “*Nisab*” maknanya suatu jumlah wang yang bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4,450 gram atau satu jumlah wang. Perkara ini ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum syarak. Kedua-kedua tafsiran *diyat* dan *nisab* ini menunjukkan keterbukaan untuk berijtihad di dalam menentukan kadar *diyat* dan *nisab* berasaskan perkembangan semasa. Malah KDYMM al-Sultan juga diberi ruang untuk berbincang dengan pakar dalam pelbagai bidang termasuklah mufti bagi mendapatkan pandangan yang sewajarnya.

Menurut Seksyen 4 (1) (c) Kesalahan *takzir*, iaitu kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan *hudud* atau kesalahan *qisas* yang sama hukumannya ditetapkan oleh Badan Perundangan Negeri di bawah Kanun ini atau selainnya dan dijatuhkan mengikut budi bicara Mahkamah. Di sini juga terdapat ruang dan kelonggaran untuk berijtihad bagi menentukan hukum-hukum di dalam mengendalikan kes-kes *takzir*. Seksyen 47 memperuntukkan apabila seseorang tertuduh itu tidak boleh disabitkan dengan hukuman *hudud*, maka tertuduh boleh dikenakan hukuman *takzir* mengikut ketetapan mahkamah. Mengikut seorang peguam bela, peguam cara dan peguam syar’ie dan juga merupakan ahli jawatankuasa penggubalan Enakmen Guaman Syarie Kelantan Che Hartini bt. Haji Che Omar, menjelaskan bahawa hakim bicara boleh untuk berijtihad dalam konteks hukuman terhadap kesalahan *takzir*, hal ini menunjukkan keterbukaan dan ruang untuk para hakim berijtihad. Beliau menyatakan;

“Tertuduh bolehlah dihukum dengan hukuman takzir yang difikirkan patut dan sesuai oleh Mahkamah dan Mahkamah hendaklah mengambil tindakan untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya, sekiranya ada keterangan yang cukup dalam sesuatu kes yang dibicarakan”.

KJS II (1993) 2015 jika dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan di Kelantan akan menjadi suatu cabaran dan pembaharuan kepada hakim syar’ie, pendakwa syar’ie, anggota penguatkuasa

syar'ie, peguam syar'ie dan para alim ulama dalam pelbagai bidang untuk berjihad. Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah ini juga akan menghidupkan dan menyuburkan undang-undang Islam dan sentiasa berkembang, sesuai dengan peredaran dan tuntutan zaman. Kanun Jenayah Syariah ini tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa didokong oleh undang-undang lain. Justeru, undang-undang keterangan dan acara jenayah Islam juga akan mengalami perkembangan dan perubahan sesuai dengan kehendak Kanun Jenayah Syariah tersebut. Pengaplikasian sistem dan peralatan moden, seperti keputusan DNA, rakaman video, pengesahan pakar dan lain-lain, pastinya akan disesuaikan dalam banyak kes perbicaraan. Malah, semua aspek berkaitan mahkamah syariah seperti penambahan kakitangan, kenaikan gaji, penambahan kelengkapan dan lain-lain akan mengalami perubahan dan penambahan. Hal ini memerlukan suatu garis panduan dan prosedur yang kemas untuk diterima pakai, bagi mengelakkan kecacatan dalam pelaksanaan undang-undang ini kelak.

Peruntukan Berkaitan Kesalahan Hudud Dalam KJS II (1993) 2015

Sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 5 KJS II (1993) 2015 kesalahan-kesalahan *hudud* seperti berikut:

1. *Sariqah* (mencuri)
2. *Hirabah* (merompak)
3. *Zina* termasuk liwat (melakukan persetubuhan haram/ persetubuhan luar tabii)
4. *Qazaf* (menuduh seseorang melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi)
5. *Syurb* (minum minuman memabukkan)
6. *Irtidad* atau *riddah* (keluar daripada agama Islam)

Jenayah mencuri, merompak, zina, menuduh berzina (*qazaf*) dan minum arak adalah disepakati oleh para ulama sebagai kesalahan hudud. Manakala menurut jumhur ulama kesalahan murtad juga adalah kesalahan hudud. Namun, terdapat ulama seperti yang tidak mengkategorikan *riddah* atau *irtidad* ini sebagai kesalahan hudud, antaranya Imam Ibn Taimiyyah seperti yang dinukil oleh Ibn Qayyim al-Jauziyah di dalam *Zad al-Ma'ad*. KJS II (1993) 2015 telah menerima pendapat jumhur. Dr. Ala Eddin Kharofa, mantan pensyarah UIAM telah membincangkan mengenai kesalahan murtad ini di dalam bukunya *Hukum Islam Terhadap Jenayah Salman Rushdie*, Bahasa Melayu (terjemahan).

Seksyen 23(1), (2), (3) dan (4) memperuntukkan bagi orang yang disabitkan melakukan kesalahan *irtidad* dikehendaki oleh mahkamah supaya dipenjarakan sehingga dia bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan, persoalan di sini, bagaimana sekiranya orang murtad tadi enggan untuk bertaubat untuk selama-lamanya. Justeru, apakah hukum hudud akan dilaksanakan, apakah hukuman tersebut ialah bunuh?. Bagaimana dengan harta mereka, apakah harta tersebut akan dirampas. Persoalan juga ditimbulkan mengenai tatacara pelaksanaan hukuman tersebut ?. Persoalan ini perlu kepada perincian, jawapan dan ijtihad yang jelas daripada pakar-pakar dan pihak berkuasa Kerajaan Negeri Kelantan. Pandangan majoriti ulama dalam memutuskan kesalahan murtad dalam kategori kesalahan hudud mempunyai asas yang kukuh. Ketegasan hukuman bertujuan agar agama Islam tidak dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

KJS II (1993) 2015 ini juga telah memperuntukkan kesalahan bagi liwat di dalam Seksyen 14 (Liwat), 15 (Hukuman Liwat) dan 16 (Membuktikan Liwat), seksyen ini telah mentakrifkan liwat iaitu seorang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan seorang lelaki lain atau seorang lelaki yang melakukan persetubuhan melalui dubur dengan seorang perempuan adalah melakukan liwat. Dalam seksyen ini juga telah memperuntukkan hukum liwat dan pembuktian kesalahan liwat. Liwat dalam kanun ini dianggap sebagai kesalahan hudud. Kanun

ini juga dalam Seksyen 14 memperuntukkan;

Seseorang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan seorang lelaki lain, atau seorang lelaki yang melakukan persetubuhan melalui dubur dengan seorang perempuan adalah melakukan liwat.

Seksyen 15:

1. *Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina.*
2. *Seorang suami yang melakukan kesalahan liwat ke atas isterinya dihukum ta'zir.*

Seksyen 16:

Kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama sebagaimana yang dikehendaki untuk membuktikan zina.

Ulama berbeza pendapat adakah liwat termasuk dalam kesalahan *hudud*. Imam Malik, Syafi'e dan Ahmad mengatakan ia kesalahan *hudud* seperti zina tetapi hanyalah dikenakan *takzir*. Kajian ini cenderung kepada pendapat kesalahan liwat dikenakan hukuman *takzir* kerana terdapat pendapat yang membolehkan liwat dihukum dengan *takzir*. Namun kesalahan ini juga boleh dikenakan hukuman berat berdasarkan hukuman *takzir* dan bukan *hudud*. Liwat juga diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan iaitu hubungan luar tabii.

Bahagian II (Qisas) terdapat peruntukan yang berkaitan *Qisas* dan *Diyat*, Seksyen 24. Hukuman *qisas* dan *diyat* kedua-duanya hendaklah dikenakan ke atas kesalahan- kesalahan menyebabkan kematian manusia dan menyebabkan kecederaan badan. Peruntukan *Diyat* dalam Kanun ini adalah suatu yang amat baik. Ianya telah banyak membuka mata dan minda banyak pihak untuk memulakan langkah membawa isu *diyat* ini ke peringkat yang lebih luas, iaitu mewujudkan sistem *diyat* dalam Kanun Keseksaan, selari dengan cadangan hukuman bunuh dalam Kanun Keseksaan akan dimansuhkan. Justeru, inovasi perundangan Islam yang dibuat oleh Kerajaan Kelantan berkaitan bayaran *diyat* ini telah diambil maklum oleh pihak berwajib secara sadar ataupun tidak.

Jenis-jenis kesalahan menyebabkan kematian;

Seksyen 25; Perbuatan menyebabkan kematian manusia adalah terbahagi kepada tiga jenis –

1. *Qatl-al'amd* (bunuh dengan niat)
2. *Qatl syibhi al'amd* dan (bunuh tanpa niat)
3. *Qatl al-khata'* (tersalah bunuh)

Hukuman bagi *qatl al-amad* ialah qisas, namun hukuman qisas tidak boleh dikenakan jika :-

1. Kesalahan itu tidak dibuktikan dengan keterangan yang dikehendaki di bawah Bahagian III (keterangan) atau;
2. Walaupun dibuktikan sedemikian, wali telah memaafkan.

Seseorang wali boleh pada bila-bila masa sebelum hukuman *qisas* dijalankan, memaafkan pesalah tersebut sama ada dengan membayar *diyat* atau tidak, sekiranya pesalah tidak mampu

membayar *diyat* setelah diambil kira semua kemampuan pesalah⁴, maka *diyat* akan ditanggung oleh *Baitulmal*. Tanggungan oleh *Baitulmal* ini bukanlah bererti pihak berkuasa menanggung segala kesalahan pesalah tersebut. Namun ia sebagai bukti bahawa Islam itu adil dan mengambil kira semua aspek sama ada di pihak mangsa atau keluarga mangsa dan juga pesalah. Ini membuktikan bahawa undang-undang Islam tidak hanya menumpukan kepada balasan berasaskan seksaan tubuh badan sahaja sebagai balasan terhadap pesalah. Namun ia juga mengambil kira pelbagai aspek seperti kemaafan, pembelaan kepada mangsa dan keluarga mangsa, keinsafan kepada pesalah dan lain-lain. Jika dibandingkan dengan undang-undang sivil (Kanun Keseksaaan) tiada diperuntukkan sebarang ganti rugi kepada keluarga mangsa terhadap apa yang berlaku dalam konteks keadilan secara menyeluruh. Bayangkan seorang isteri dan anak-anak kehilangan suami dan ayah tempat bergantung, maka siapa lagi yang akan menanggung keluarga ini. Justeru, amat wajarlah *diyat* atau ganti rugi diperkenalkan. Dalam Seksyen 24 sehingga 38 telah memperuntukkan hal-hal yang berkaitan mengenai kesalahan menyebabkan kematian, kecederaan dan hukuman *qisas*, *diyat*, *takzir* dan *arsy*⁵ dengan cara yang teliti dan baik. Justeru, undang-undang Islam penting dan berkesan memberi keadilan dan dilaksanakan dalam semua keadaan dengan penyesuaian mengikut keadaan tempat dan waktu.

Kesalahan dan Hukuman *Takzir*

Kanun ini juga telah membuat beberapa peruntukan mengenai kesalahan *takzir* dan hukumannya. Seksyen 4 (c) menjelaskan:

Kesalahan takzir, iaitu kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan hudud atau kesalahan qisas yang mana hukumannya, disebut sebagai hukuman takzir, ditetapkan oleh Badan Perundangan Negeri di bawah kanun ini atau selainnya dan dijatuhkan mengikut budi bicara mahkamah.

Hukuman *takzir* dilaksanakan dengan syarat apabila kesalahan hudud atau qisas tidak dapat dilaksanakan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan, maka hukuman terhadap kesalahan tersebut hendaklah hukuman *takzir*. Kebijaksanaan hakim adalah dituntut dan diperlukan bagi mengendalikan perbicaraan bagi kesalahan *takzir* yang begitu luas selain daripada kesalahan hudud, qisas dan *diyat*. Kebijaksanaan hakim akan terserlah dalam kes-kes *takzir* dan dalam masa yang sama pintu *ijtihad* akan terbuka luas bagi menyuburkan undang-undang Islam dan menjadikan perundangan Islam sentiasa sesuai dalam semua keadaan.

Tafsiran (Permulaan)

Pada Bahagian Permulaan Tajuk Ringkas dan permulaan kuat kuasa, Seksyen 3 (1) Kanun jenayah ini telah menjelaskan beberapa istilah penting. Beberapa perkataan telah diberi tafsiran bagi tujuan rujukan dalam kanun ini. Di antaranya;- perkataan anak, arsy, baitulmal, *diyat*, enakmen pentadbiran, hakim, hukum syarak, jemaah ulama, majlis, mahkamah, mohsan, mukalaf, nisab, penjara, wali, qisas, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan wali telah dijelaskan dan ditafsirkan.

Penjara di sini merujuk kepada penjara dalam seksyen 2 Akta Penjara 1995 [Akta 537]. Bagi penulis, penjara Syariah harus berbeza dengan penjara sivil di bawah kesalahan jenayah

⁴Konsep kemampuan ini boleh diperhalusi, samada dalam bentuk kewangan ataupun guna tenaga (kerja) bagi membayar *diyat* atau menyediakan peruntukan pinjaman oleh pihak berwajib dengan bayaran balik.

⁵Ertinya suatu jumlah wang atau harta atau sebahagian daripada *diyat* yang kena dibayar kepada mangsa sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual II, III dan IV sebagai pampasan kerana kecederaan (*jurh*) yang dilakukan ke atas mangsa itu.

(Kanun Keseksaan). Penjara Syariah perlu mempunyai ciri-ciri dan penerapan unsur-unsur syariah atau mesra syariah, lebih kepada penekanan pemulihan berbentuk keagamaan dan kesedaran. Kanun ini juga telah memperuntukkan beberapa kesalahan yang telah sedia ada di dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) antaranya;-

- (a) Kesalahan *Sariqah* (curi) Seksyen 6
- (b) *Hirabah* (rompakan) Seksyen 9
- (c) *Liwat* (hubungan luar Tabii) Seksyen 14
- (d) *Qatl al-Amd* (bunuh dengan niat)
- (e) *Qatl syibhi al-amad* (bunuh tanpa niat)

Jika diperhatikan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di dalam Kanun ini jelas bahawa kesalahan-kesalahan tersebut telah sedia ada di dalam kanun keseksaan (penal code). Persoalan yang timbul dan diperdebatkan oleh semua lapisan masyarakat ialah apakah kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa atau hak untuk menggubal dan meluluskan undang-undang tersebut berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Butiran 1, Senarai Negeri Jadual ke-9, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan berkaitan perkara tersebut menyebut:

“Kecuali bagi wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, intitusi, amanah, khairat dan institusi Islam yang berpotensi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu: Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya: masjid atau Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya: masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan: keanggotaan, susunan dan Prosedur Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan perenggan ini. Tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang- undang Persekutuan: mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam: penerbitan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu.”

Kuasa negeri untuk membuat undang-undang berkaitan undang-undang jenayah syariah jelas terdapat dalam peruntukan yang dinyatakan di atas. Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mewujudkan kesalahan dan hukuman yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika diamati pada frasa atau perkataan “*Hukum Syarak*”, “*undang-undang diri*” dan “*keluarga*” di bawah senarai negeri, frasa ini tidak diperincikan oleh Perlembagaan secara jelas. Apabila disebut hukum syarak maka ianya tidak semata-mata terhad kepada undang- undang keluarga sahaja, malah ianya meliputi semua hukum hakam berkaitan di dalam Islam, termasuklah hukum jenayah di dalam Islam. Undang-undang Islam adalah bersifat menyeluruh ianya meliputi undang-undang diri dan keluarga. Undang-undang diri dalam Islam adalah undang-undang yang ditetapkan oleh Allah.

Justeru, undang-undang diri dan undang-undang keluarga dalam Islam tidak harus terhad pada undang-undang keluarga sahaja sebaliknya hendaklah dibaca secara menyeluruh, meliputi semua aspek termasuklah undang-undang jenayah Islam. Peruntukan yang dibuat di dalam KJS II (1993) 2015 ini sepatutnya tidak menjadi masalah kerana ia memberi maksud untuk menterjemahkan konsep hukum syarak atau undang-undang Islam sebagaimana diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Peruntukan-peruntukan kesalahan dan hukuman di dalam KJS II (1993) 2015 adalah untuk memenuhi peruntukan perlembagaan tersebut iaitu menafsirkan agama Islam dalam bentuk yang lebih meluas dan komprehensif.

KESIMPULAN

Perundangan Islam di Kelantan berkaitan KJS II (1993) 2015 adalah bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penggubalan undang-undang ini adalah merupakan suatu usaha bagi merealisasikan pelaksanaan hukum Islam berdasarkan sumber wahyu tanpa mengenyepikan elemen ijthad ulama muktabar. Persoalan samada ia cukup sempurna atau tidak mempunyai sebarang kelemahan bukanlah isu besar sehingga terhalang untuk dilaksanakan. Kelemahan dan kekurangan tersebut boleh diperbaiki dari semasa ke semasa demi kesucian agama dan memenuhi tuntutan Ilahi.

RUJUKAN

- Abd. Wafi Has. (2013). *Ijthad sebagai alat pemecahan masalah umat Islam*. Sekolah Tinggi KeIslamman Al-Hidayah. <https://ikram.org.my/ijthad-kon>
- Ala Eddin Kharofa. (n.d.). *Hukum Islam terhadap jenayah Salman Rushdie*. (Publisher details needed.)
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388).
- Ali Ali Mansur. (1976). *Nidzam al-Tajrim fi al-Islam* (Vol. 1). Muassasah al-Zahra'.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah. (n.d.). *Zad al-Ma'ad*. (Publisher details needed.)
- Ibn Qayyim. (n.d.). *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Matbaah al-Madani.
- Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait. (1983). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*.
- Kerajaan Negeri Kelantan. (1993). *Enakmen 13: Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mohamad Fadli Ghani. (2011). *Dua dekad Kelantan membangun bersama Islam*. Pustakarek Enterprise.
- Mohamad Shukri Mohamad. (2019). (Full title & publisher details needed — please confirm.)
- Muhamad Ikhlas Rosele, Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Anuar Ramli, & Muhamad Zaim Isamail. (2016). Pendekatan ijthad kontemporari dalam isu semasa Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. <https://ikram.org.my/ijthad-kon>
- Muhamad Fathi Yusoff. (2017). *RUU 355: Menepati syarak*. Print Towers Sdn. Bhd.
- Shamrahayu A. Aziz. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

TEMU BUAL

Temu bual dengan Che Hartini bt. Haji Che Omar, Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie / AJK Penggubalan Enakmen Guaman Syarie Kelantan, pada 14.6.2019 di alamat Kg. Panjang Banggu Kota Bharu Kelantan, Jam 12.00 tengahari.

Temu bual dengan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada 14 Disember 2020, di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Kompleks Islam Lundang Kota Bharu Kelantan.